



30 April 2024
30 April 2024
P.U. (A) 120

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2024

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 11 Mei 2024.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10ZN) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang memerlukan wang untuk apa-apa tujuan.

(10ZO) Jika suatu notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(*ja*) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang memerlukan wang untuk apa-apa tujuan, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah, pada bila-bila masa, mengemukakan notis pengeluaran itu kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(10ZP) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu, Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun tidak kurang daripada lima puluh ringgit pada tarikh notis pengeluaran itu

dibenarkan tertakluk kepada amaun yang ada pada kredit dalam Akaun III ahli Kumpulan Wang itu.”.

Penggantian kaedah 48

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 48 dengan kaedah yang berikut:

“Permohonan pengeluaran

48. Setiap notis pengeluaran hendaklah mengandungi cap ibu jari ahli Kumpulan Wang atau pemohon atau apa-apa bentuk pengenalan diri lain ahli Kumpulan Wang itu atau pemohon itu sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.”.

Dibuat 19 April 2024

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.3; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 11 May 2024.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], which are referred to as “the principal Rules” in these Rules, are amended in rule 41 by inserting after subrule (10ZN) the following subrules:

“Member of Fund requires money for any purpose.

(10ZO) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)(ja) of the Act on the ground that a member of the Fund requires money for any purpose, the member of the Fund shall, at any time, give such notice of withdrawal to the Board in accordance with any manner as determined by the Board.

(10ZP) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund, the Board may authorize the member of the Fund to withdraw an amount not less than fifty ringgit on the date of the notice of withdrawal is authorized subject to the amount standing to the credit in Account III of the member of the Fund.”.

Substitution of rule 48

3. The principal Rules are amended by substituting for rule 48 the following rule:

“Withdrawal application

48. Every notice of withdrawal shall bear the thumb impression of the member of the Fund or the applicant or any other form of self-identification of the member of the Fund or the applicant as the Board thinks appropriate.”.

Made 19 April 2024

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.3; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Chairman
Employees Provident Fund Board